

30/11/2000

Penyokong kerajaan mahu pengemis dibanteras segera

TIMBALAN Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr Tiki Lafe, semalam menjadi sasaran kemarahan Ahli Parlimen yang tidak berpuas hati dengan jawapan beliau serta cara kementerian menangani sesuatu isu.

Semuanya tercetus apabila Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar), membangkitkan isu pengemis di pusat beli-belah dan mahu kementerian itu bertindak kerana perkara itu menjejaskan imej negara.

Dr Tiki yang mengakui kewujudan pengemis itu bagaimanapun menyatakan 'masalah pengemis adalah masalah global' dan mahu semua pihak termasuk Ahli Parlimen bekerjasama menangani masalah itu.

Jawapan itu membuatkan Wan Junaidi melenting dan menyifatkan Dr Tiki hanya bertindak mempertahankan pegawai kementerian yang didakwa tidak melaksanakan tugas dengan baik.

Katanya, jika beliau yang berada di Kuala Lumpur untuk beberapa hari saja mampu mengenal pasti pusat utama pengemis terbabit berkumpul, sudah pasti pihak yang berkenaan mampu bertindak lebih daripada itu.

"Saya tidak boleh terima semua ini kerana pengemis amat mudah ditemui. Jangan cuba mempertahankan pegawai yang dibayar untuk membuat kerja. Pergi jalan di The Mall atau Sungei Wang dan anda boleh temui mereka," katanya.

Pandangan ini turut dikongsi Jimmy Lim (BN-Sri Aman) yang bangun menyatakan masalah pengemis boleh diatasi jika pegawai kementerian benar-benar melaksanakan tugas.

"Bagaimana masalah ini sukar diselesaikan, sedangkan kalau kita bawa satu lori tengah hari ini (untuk) angkut pengemis, masalah ini akan dapat diselesaikan," katanya.

Beliau turut bertanya apakah kementerian hanya akan bertindak selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memperkatakan sesuatu mengenai masalah pengemis.

Seorang lagi penyokong kerajaan, Chang See Ten (BN-Gelang Patah), pula meminta Dr Tiki bertindak terhadap kumpulan pengemis di persimpangan jalan yang berpura-pura sakit untuk meraih simpati pemandu.

Chang juga mahu pihak kementerian bertindak terhadap kumpulan pengemis di Bintang Walk, di ibukota, yang seolah-olah dikawal satu sindiket.

Bagaimanapun, Dr Tiki menjawab beliau kurang pasti perkara itu dan akan meminta pegawainya menjalankan siasatan lanjut sebelum mengambil sebarang tindakan.

Datuk Mohammad Aziz (BN-Sri Gading) yang tidak senang dengan jawapan sedemikian, berkata beliau tidak berpuas hati kerana Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sudah lama tidak datang sendiri menjawab soalan.

(END)